

TAFSIRAN

“**Peletakan Jawatan**” bermaksud berhenti daripada berkhidmat dengan perkhidmatan awam yang dibuat melalui notis bertulis yang dikemukakan kepada Ketua Perkhidmatan melalui Ketua Jabatan yang menyebabkan perkhidmatannya terputus.

“**Notis Peletakan Jawatan**” bermaksud pernyataan hasrat untuk meletak jawatan yang dibuat oleh seseorang pegawai secara bertulis dan ditandatangani olehnya;

“**Pemendekan Notis**” bermaksud tempoh notis peletakan jawatan pegawai dipendekkan dari tempoh notis sebenar yang ditetapkan dengan kelulusan Ketua Jabatan;

RUJUKAN

- * Perintah Am
- * Peraturan 14 P.U.(A)1 Warta Kerajaan
- * Pekeliling Pekhidmatan Bil.23/2009



UTM
UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA

Pejabat
Pendaftar
UTM
Kuala Lumpur

PELETAKAN JAWATAN

inovatif · entrepreneurial · global

Pejabat Pendaftar
(BAHAGIAN PENGURUSAN MODAL INSAN)
Universiti Teknologi Malaysia
54100 Kuala Lumpur

Tel: 03-26154830
Fax: 03-26934344

Website : registrar.utm.my/kualalumpur/

Pejabat Pendaftar
Bahagian Pengurusan Modal Insan

NOTIS PELETAKAN JAWATAN

Pegawai boleh meletak jawatan dengan mengemukakan notis bertulis yang ditandatangani olehnya kepada Ketua Perkhidmatan melalui Ketua Jabatan mengikut tempoh seperti berikut:-

- Bagi pegawai yang dilantik **Tetap, 30 hari** sebelum peletakan jawatan itu berkuatkuasa **atau sebulan gaji** sebagai ganti notis;
- Bagi pegawai yang dilantik selain **dari secara Tetap**, mengikut **syarat lantikan atau** jika tempoh tidak diperuntukkan dalam syarat lantikan, **30 hari** sebelum peletakan jawatan itu berkuatkuasa **atau sebulan gaji** sebagai ganti notis

Notis Peletakan Jawatan 24 jam adalah **tidak dibenarkan**. Jika pegawai tetap dengan notis berkenaan, pegawai dikehendaki membayar kepada Universiti sebulan gaji sebagai ganti notis

KUAT KUASA NOTIS PELETAKAN JAWATAN

- Notis Peletakan Jawatan berkuat kuasa pada hari berikutnya selepas tamat tempoh notis yang diberikan ataupun tarikh yang ditetapkan oleh pegawai itu tamat.
- Bagi peletakan jawatan yang tidak memenuhi tempoh notis yang ditetapkan, pegawai hendaklah membayar sebulan gaji sebagai ganti notis.

- **Gaji** bagi maksud ini adalah gaji pokok berdasarkan matagaji dalam struktur gaji yang tidak termasuk imbuhan tetap yang terakhir diterima oleh pegawai sebelum meletak jawatan .

PEMENDAKAN NOTIS PELETAKAN JAWATAN

Pegawai boleh memohon pemendakan notis bagi dikecualikan bayaran sebulan gaji dengan mengemukakan sebab-sebab tertentu dan ia perlu dikemukakan sebelum tarikh kuat kuasa peletakan jawatan

Pemendakan Notis adalah dibenarkan atas sebab yang berikut:-

- Pegawai ditawarkan pelantikan ke mana-mana jawatan dalam Perkhidmatan Awam, Pihak Berkuasa Berkanun, Pihak Berkuasa Tempatan atau agensi lain yang Kerajaan mempunyai kepentingan
- Pegawai atau pasangan, anak atau ibu bapa pegawai itu menghadapi masalah kesihatan
- Pegawai mengikuti kursus atau latihan
- sebab-sebab lain yang diluluskan oleh KPPA

PERINGATAN

⇒ Peletakan jawatan yang telah berkuat kuasa **tidak boleh ditarik balik**

DOKUMEN YANG DIPERLUKAN JIKA ANDA INGIN MEMOHON PELETAKAN JAWATAN

- Surat Permohonan melalui Ketua Jabatan
- Dokumen Sokongan
- Surat tawaran jawatan baru - Pelepasan Izin

TINDAKAN YANG PERLU DIAMBIL SELEPAS PELETAKAN JAWATAN DILULUSKAN

- Melengkapkan Lampiran A dan F
- Menyelesaikan hutang dengan Universiti
- Bertanggungjawab untuk menyelesaikan hutang piutang dan ikatan perjanjian yang telah dipersetujui

RUMUSAN

- "Pegawai boleh meletak jawatan tanpa pelepasan dengan izin daripada pihak Universiti untuk dilantik ke jawatan lain dalam perkhidmatan awam
- "Tempoh perkhidmatan terdahulu boleh diambil kira untuk perkiraan faedah pesaraan, tertakluk kepada peletakan jawatan yang berlaku selepas 1 Januari 2012.